

Berdasarkan dari dapatan kedua-dua bahagian di atas, jelas menunjukkan bahawa secara keseluruhannya pelajar tidak mampu menterjemah perkataan Arab berimbuhan berdasarkan frasa / ayat dan juga rangkap ayat.

BAB 5

KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP

5.0 Pendahuluan


Bab ini membentangkan kesimpulan hasil kajian yang telah dijalankan. Rumusan bagi setiap dapatan kajian dinyatakan secara deduktif bagi menggambarkan setiap permasalahan secara keseluruhan. Cadangan bagi menyelesaikan persoalan kajian turut dikemukakan dalam bab ini. Penutup bagi merumuskan isi perbincangan turut dimuatkan di akhir bab ini.

5.1 Kesimpulan

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui penguasaan kemahiran penterjemahan perkataan Arab berimbuhan yang berasal dari pola tiga huruf. Kemahiran terjemahan ini dibahagikan kepada kemahiran terjemahan perkataan berimbuhan melalui frasa /ayat dan juga rangkap ayat.


i. Sebanyak 25 patah perkataan dipilih berdasarkan frasa ayat pilihan. Begitu juga 25 patah perkataan dipilih bagi terjemahan berdasarkan rangkap ayat. Sampel kajian pula dipilih daripada pelajar tahun dua dan tiga, program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. Rasional pemilihan mereka adalah kerana mereka telah pun mempelajari subjek-subjek bahasa Arab untuk tujuan khusus dan juga subjek terjemahan. Dengan ini, sudah tentu mereka mempunyai kemahiran dalam penguasaan laras bahasa dan kemahiran terjemahan .

ii. Sebanyak 25 patah perkataan dipilih dalam bentuk frasa dan rangkap untuk diterjemahkan oleh pelajar. Ia terdiri dari pola berimbuhan kata kerja dan juga pola terbitan. Dalam mengukur kemahiran menterjemah perkataan berimbuhan dari frasa / ayat, sebanyak 25 perkataan yang dipilih, terkandung dalam ayat yang dipetik daripada keratan akhbar Arab iaitu akhbar al-Ahram diterbitkan di Mesir edisi Ahad 8 Mac 2009 bersamaan 11 Rabiulawal 1430 bilangan 44652 tahun 133. Hasil dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan peratusan yang melebihi 50%, hanya 6 perkataan sahaja mendapat peratus tertinggi dengan skala tepat., tiada perkataan mendapat peratus tertinggi sederhana tepat dan 12 perkataan mendapat peratus tertinggi skala tidak tepat. Secara keseluruhan, peratusan pada skala tepat adalah sebanyak 30.08%, sederhana tepat sebanyak 12.24% dan tidak tepat sebanyak 57.68%. Keputusan ini menunjukkan bahawa peratusan tidak tepat mendahului peratusan tepat dan sederhana tepat. Jelas di sini pelajar tidak berupaya menterjemah perkataan berimbuhan melalui frasa dengan tepat berdasarkan kehendak sesuatu ayat, mereka hanya mampu menterjemah sesuatu perkataan secara umum. Min keseluruhan yang diperolehi adalah sebanyak 1.138%.




(Carta 5.1:Dapatan Terjemahan Perkataan Berimbuhan Berdasarkan Frasa / Ayat)

iii. Terjemahan perkataan melalui rangkap ayat, hasil dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan peratusan melebihi 50%, hanya 2 perkataan sahaja mendapat peratus tertinggi dengan skala tepat., 2 perkataan mendapat peratus tertinggi sederhana tepat dan 15 perkataan mendapat peratus tertinggi skala tidak tepat. Secara keseluruhan, peratusan pada skala tepat adalah sebanyak 32.56%, sederhana tepat sebanyak 16.72% dan tidak tepat sebanyak 50.70%. Keputusan ini menunjukkan bahawa peratusan tidak tepat mendahului peratusan tepat dan sederhana tepat. Jelas di sini pelajar tidak berupaya menterjemah perkataan berimbuhan berdasarkan rangkap ayat dengan tepat berdasarkan kehendak sesuatu ayat, mereka hanya mampu menterjemah sesuatu perkataan secara umum. Min keseluruhan yang diperolehi adalah sebanyak 2.16%.




(Carta 5.2: Dapatan Terjemahan Perkataan Berimbuhan Berpandukan Rangkap Ayat)

iv. Untuk mengetahui tahap pengetahuan mereka terhadap asal makna bagi perkataan berimbuhan berdasarkan frasa / ayat, peratus tertinggi dari dua skala tepat dan sederhana tepat dicampur bagi mencari peratus untuk dibandingkan dengan skala tidak tepat. Hasil yang diperolehi menunjukkan peratus skala tepat dicampur dengan sederhana tepat adalah sebanyak 42.32% berbanding dengan peratus tidak tepat mencapai 57.68%. Ini menunjukkan bahawa pelajar tidak mampu menterjemah perkataan mengikut frasa ayat.




(Carta 5.3: Dapatan Skala Tepat Dicampur dengan Skala Sederhana Tepat Berbanding Tidak Tepat Berdasarkan Frasa / Ayat)

v. Bagi mengetahui kemahiran mereka dalam menterjemah perkataan berimbuhan berdasarkan rangkap ayat, peratus skala tepat dicampur dengan peratus skala sederhana tepat berbanding tidak tepat. Hasilnya menunjukkan 49.28 % skala tepat dan sederhana tepat berbanding dengan tidak tepat sebanyak 50.72 %. Ini menunjukkan bahawa mereka masih lemah menterjemah perkataan berimbuhan berdasarkan rangkap ayat.



(Carta 5.4: Dapatan Skala Tepat Dicampur dengan Skala Sederhana Tepat Berbanding Tidak Tepat Berdasarkan Rangkap Ayat)

vi. Keseluruhan peratus tertinggi bagi dua bahagian terjemahan berdasarkan frasa dan rangkap ayat menunjukkan skala tepat masih rendah dengan jumlah peratus skala tepat sebanyak 31.32%, skala sederhana tepat 14.48% dan skala tidak tepat mendapat peratus tertinggi dengan jumlah 54.20%. Secara jelas jika diperhatikan peratus tidak tepat masih lagi mengatasi peratus tepat dan sederhana tepat. Ini menunjukkan bahawa pelajar tidak mampu menterjemah perkataan berimbunan berdasarkan frasa dan rangkap ayat.



(Carta 5.5: Dapatan Keseluruhan Terjemahan Berdasarkan Frasa dan Rangkap Ayat)

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, maka telah terjawab persoalan kajian yang berkisar di sekitar kemampuan pelajar menterjemah perkataan berimbuhan mengikut frasa dan rangkap ayat. Bagi soalan pertama, jawapan yang diperolehi ialah pelajar tidak menterjemah perkataan berimbuhan bertepatan dengan makna mengikut frasa dan rangkap ayat.

Soalan kedua pula, pelajar tidak dapat membezakan makna perkataan berimbuhan mengikut frasa dan rangkap ayat. Begitu juga dengan soalan ketiga, mereka tidak dapat memahami makna perkataan terbitan dari perkataan berimbuhan mengikut kehendak frasa dan rangkap ayat.

Selain daripada menjawab persoalan, dapatan kajian ini juga dapat mencapai objektifnya dengan permasalahan tentang penguasaan kemahiran penterjemahan perkataan Arab berimbuhan dari pola tiga huruf dan kata terbitan

daripadanya di kalangan pelajar universiti telah pun terjawab melalui dapatan kajian ini. Mereka tidak mampu menterjemahkan perkataan berimbuhan berdasarkan frasa dan rangkap ayat. Mereka juga tidak mampu memahami dan membezakan makna pola terbitan daripada pola penambahan tersebut. Di samping itu mereka perlu didedahkan dengan penguasaan kemahiran tersebut dan mempraktikkannya bagi menterjemah dengan baik.

5.2 Cadangan

Kajian ini telah memperlihatkan bagaimana para pelajar berminat untuk mempelajari bahasa Arab dan penterjemahan khususnya menterjemah perkataan berimbuhan daripada pola tiga huruf dan pola terbitan. Walau bagaimanapun disebabkan beberapa faktor, mereka menghadapi kesukaran dan masalah. Daripada maklumat yang diperolehi melalui dapatan kajian, kajian ini cuba mengenengahkan beberapa cadangan untuk diatasi bagi menangani kelemahan tersebut antaranya ialah:

i. Penguasaan kosa kata yang mencukupi

Pelajar hendaklah dibekalkan dan didedahkan dengan kosa kata yang mencukupi untuk bacaan. Kosa kata ini merangkumi pelbagai disiplin ilmu dan situasi supaya mereka dapat memahami bacaan dengan baik dan membantu dalam menterjemah. Pengumpulan kosa kata hendaklah dimulakan melalui bacaan dan mengenal pasti ciri-ciri perkataan seperti perkataan yang kerap berulang, perkataan yang masyhur dalam bidangnya, perkataan yang mudah diingati dan perkataan yang dapat dipelajari dengan mudah.

ii. Kemahiran membina ayat untuk mengetahui keperluan makna rangkap dan frasa /ayat

Selain daripada mengumpul kosa kata, pelajar juga hendaklah menguasai kemahiran membina ayat dari perkataan tersebut. Mereka hendaklah mahir menyusun dan menggubah ayat supaya dapat menyesuaikan dengan makna yang dikehendaki. Begitu juga mereka hendaklah mahir menganalisis ayat dan rangkap mengikut kehendak maksud dan makna yang dikehendaki. Kemahiran ini membawa kepada kemahiran menterjemah dengan baik.

iii. Memperbanyakkan latihan dan praktis terjemahan

Bagi membina kemahiran pelajar dalam terjemahan, mereka hendaklah membiasakan diri dalam aktiviti terjemahan. Memperbanyakkan latihan dan praktik terjemahan dalam pelbagai bentuk dan situasi bermula dengan bahan yang mudah dan seterusnya kepada yang sukar. Guru hendaklah sentiasa melakukan pembedahan supaya pelajar dapat mengetahui kesalahan dan memperbaikinya.

iv. Menawarkan kursus terjemahan yang lebih menekankan latihan dan aktiviti terjemahan

Pihak berwajib juga perlu menawarkan kursus terjemahan yang lebih menekankan aspek amali supaya pelajar dapat menterjemahkan pelbagai bahan. Aktiviti terjemahan hendaklah dijalankan dalam kelas dengan memberi tugas kepada pelajar. Pada peringkat permulaan, aktiviti boleh dijalankan melalui kumpulan kecil. Pelajar boleh belajar melalui perbincangan dengan rakan-rakan

sekumpulan untuk menterjemah dengan baik. Seterusnya latihan boleh dijalankan secara individu. Aktiviti terjemahan ini perlu untuk meningkatkan penguasaan kemahiran menterjemah dalam kalangan pelajar.

v. Menyediakan buku-buku teks di pasaran berorientasikan latihan terjemahan

Bagi membina kemahiran menterjemah, buku-buku teks tentang latihan terjemahan hendaklah dipelbagaikan di pasaran. Individu dan juga pihak berwajib hendaklah menggalakkan penghasilan dan pengeluaran buku-buku tersebut supaya dapat menjadi panduan dan rujukan kepada pelajar. Begitu juga pelbagai kamus hendaklah diterbitkan bagi membantu dan memudahkan pelajar mencari makna yang sesuai dalam pelbagai laras bahasa diperlukan. Ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar atau individu yang berminat menceburi dalam bidang terjemahan.

vi. Memasukkan aktiviti terjemahan dalam pengajaran bahasa

Antara aktiviti yang dapat membantu dalam membina kemahiran menterjemah, penglibatan aktiviti terjemahan dalam pengajaran bahasa Arab. Ramai sarjana yang tidak setuju dengan kaedah terjemahan berdasarkan alasan ia adalah kaedah lama dan menjemukan. Sebenarnya kaedah terjemahan ini dapat meningkatkan kemahiran dan penguasaan bahasa di kalangan pelajar. Mereka yang dapat menterjemah dengan baik, sudah tentu dapat menguasai bahasa dengan baik. Aktiviti terjemahan ini hendaklah diterapkan dalam pengajaran bahasa supaya pelajar dapat belajar kaedah terjemahan perkataan dengan baik dan berkesan.

vii. Penggunaan bahan -bahan pembelajaran perlu digalakkan.

Penggunaan bahan-bahan pembelajaran seperti penggunaan akhbar, majalah Arab atau melayari laman-laman sesawang Arab bagi melatih pelajar membiasakan diri mereka dengan penggunaan bahasa Arab moden dan terkini. Antara laman-laman sesawang yang boleh dilayari adalah seperti www.daralhayat.com, www.arabtimes.com, www.addustour.com, www.bernama.com/arabic/ dan lain-lain.

5.3 Penutup

Permasalahan terjemahan bukanlah permasalahan baru. Ia bermula sejak peringkat awal pengajaran bahasa Arab lagi. Ramai dalam kalangan pelajar yang belajar bahasa Arab, tetapi tidak mampu menterjemah dengan baik. Perkara ini berlaku disebabkan mereka sendiri kurang menguasai kemahiran terhadap bahasa sasaran. Terdapat juga pelajar yang dapat menguasai bahasa dengan baik, tetapi mereka tidak dapat menterjemah dengan baik. Ini berlaku disebabkan mereka kurang latihan dalam mempraktikkan terjemahan.

Sebenarnya kemahiran menterjemah ini bergantung kepada kemahiran menguasai bahasa asal teks dan juga bahasa sasaran. Bahasa pertama perlu untuk memahami isi kandungan yang hendak diterjemahkan. Begitu juga bahasa kedua penting bagi menerangkan isi yang dipindah dari bahasa pertama. Kegagalan menguasai salah satu bahasa tersebut membawa kepada kegagalan menterjemah.

Pelajar disarankan supaya dapat menguasai kedua-dua bahasa tersebut supaya dapat menterjemah dengan baik. Begitu juga mereka perlu menguasai

pelbagai disiplin ilmu supaya terjemahan dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan berkesan. Mereka juga hendaklah sentiasa menjalankan aktiviti dan latihan terjemahan untuk meningkatkan kemahiran terjemahan.

Begitu juga guru-guru hendaklah menggalakkan pelajar menterjemah pelbagai teks dan menjalankan pelbagai aktiviti terjemahan. Di samping itu juga, aktiviti terjemahan hendaklah dimasukkan dalam aktiviti pengajaran khususnya pengajaran bahasa.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa para pelajar masih tidak mampu menterjemahkan perkataan Arab berimbuan walaupun mereka sudah berada di peringkat universiti. Pelbagai usaha hendaklah dijalankan bagi mengatasi masalah ini. Begitu juga permasalahan ini disebabkan mereka kurang menguasai bahasa yang dipelajari dengan baik. Dengan adanya usaha dan tindakan pihak tertentu dan juga individu, kemahiran terjemahan akan dapat ditingkatkan dan seterusnya penguasaan bahasa Arab dapat dikuasai oleh pelajar dengan baik.